

22/05/1997

Ericsson mahu aktif dalam MSC

Karim Sulaiman in London

ERICSSON akan mengambil bahagian aktif dalam kegiatan Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan menjadikan Malaysia sebagai salah satu pusat pengeluaran telefon bergerak.

Langkah itu adalah antara empat perkara membabitkan penyertaan syarikat telekomunikasi Eropah itu dalam MSC.

Presiden dan Ketua Eksekutif Ericsson, Dr Lars Ramqvist, berkata beliau memaklumkan rancangan itu dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di London sehingga esok, untuk mempromosikan MSC di Eropah.

Menurutnya, rancangan lain ialah menjalankan operasi kemudahan pengeluaran dan mereka bentuk perisian terancang, memindahkan akademik latihan dan ibu pejabat Ericsson Malaysia ke MSC.

Katanya, syarikat itu akan mewujudkan operasi kemudahan pengeluaran dan mereka bentuk perisian untuk sistem pengurusan Ericsson-Hewlett Packard, syarikat yang ditubuhkan untuk menyediakan sistem sokongan untuk industri telekomunikasi.

"Kita juga akan memindahkan Akademi Ericsson di Shah Alam ke MSC bagi menyediakan latihan dalam industri teknologi maklumat (IT).

"Akademi itu pada masa ini melatih 100 orang sehari dalam teknologi terkini telekomunikasi," katanya pada sidang akhbar di sebuah hotel di London, kelmarin.

Dr Ramqvist berkata, ibu pejabat Ericsson Malaysia akan berpindah ke MSC dalam tempoh lima tahun.

(END)